

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 11 / 12 / 2007

Perdana Menteri bentang pindaan Perlembagaan Persekutuan

KUALA LUMPUR 10 Dis. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membentangkan pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk bacaan kali kedua bagi meminda umur persaraan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) daripada 65 tahun

kepada 66 tahun di Dewan Rakyat esok.

Pindaan kepada Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan itu akan membolehkan anggota SPR yang sedang berkhidmat diberi opsyen untuk bersara pada umur 65 tahun atau pada umur

U.M. - 11/12/2007
persaraan yang baru iaitu 66 tahun.

Pindaan undang-undang itu dibentangkan untuk bacaan kali pertama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz di Parlimen pada 20 November lepas.

Rang Undang-Undang itu memerlukan sokongan dua pertiga ahli Dewan Rakyat sebelum boleh diluluskan.

Ia kemudian dibentangkan di Dewan Negara dan seterusnya memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong sebelum diwartakan.